

AI ubah landskap cari kerja

Dari muka 15

“Isu utama yang dikenal pasti ialah ‘peluang muncul pada masa salah’ iaitu ketidakseragaman masa antara pengiklan jawatan dan pencari kerja.

“Kebanyakan platform kerja di Malaysia memberi fokus kepada industri tertentu seperti profesional, pekerja separa mahir atau graduan.

“Kami mahu menjadi platform merentas semua industri. Sekarang ini, sektor paling

aktif ialah makanan dan minuman (F&B), tetapi kami sedang memperluas ke sektor lain,” katanya.

“Kebolehan AI menapis calon dan peluang berdasarkan faktor kemahiran dan keperluan sebenar membantu memastikan padanan lebih tepat dan mengurangkan ‘ghosting’ antara pencari kerja dan majikan.

Dalam isu keselamatan data, Pais berkata, hanya syarikat berdaftar dibenarkan mengiklankan jawatan di plat-

form itu.

Menurut beliau, syarikat disaran melalui proses verifikasi melalui dokumen asas seperti sijil perusahaan kecil dan sederhana (PKS) atau bil utiliti, syarikat tidak sah akan disemak secara manual oleh moderator dan iklan mencurigakan atau berunsur penipuan akan ditolak sebelum ia disiarkan.



PAIS SERHII

“Kami memang pernah jumpa cubaan iklan dari-pada syarikat meragukan seperti ‘trading scam’. Semua ditolak serta-merta.

“Selain itu, profil syarikat juga menampilkan reputasi serta ulasan dari-

pada pekerja sedia ada dan bekas pekerja bagi meningkatkan ketelusan,” katanya.

Pais berkata MyJobe se-

dang dibangunkan sebagai satu ‘pangkalan data negara’ di masa depan seakan LinkedIn versi Malaysia tetapi lebih menyeluruh.

“Calon ada profil, majikan ada profil. Walaupun calon tidak aktif mencari kerja, profilnya tetap hidup dan bersedia. Ia menjadikan pasaran kerja lebih inklusif dan responsif.

“Jika dimanfaatkan sepenuhnya, sistem ini boleh membantu kerajaan menyokong usaha mempercepatkan digitalisasi tenaga kerja,” katanya.